

09 JUN 1997

Haemodialisis

PUSAT HAEMODIALISIS MAWAR MULA TERIMA DUA PESAKIT

SEREMBAN, 9 Jun (Bernama) -- Pusat Haemodialisis Mawar yang terletak di Jalan Rasah di sini hari ini mula menerima dua pesakit manakala 14 pesakit yang lain ditawarkan menerima rawatan di pusat itu.

Timbalan Pengerusi pusat itu, Datuk Dr Yeow Chia Thiam, berkata kedua-dua pesakit terbabit yang berumur 46 tahun dan berasal dari Seremban dipilih oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) negeri dan jawatankuasa perubatan pusat itu.

Katanya, pusat itu menawarkan perkhidmatannya kepada 14 pesakit lain jika menerima jawapan positif daripada mereka untuk mendapat rawatan berperingkat-peringkat di pusat itu.

Pusat berharga RM6 juta itu dianggap paling besar di Asia dan ia dibina bagi membantu merawat pesakit buah pinggang daripada kalangan orang miskin.

Pusat yang telah dirasmikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada 24 Feb lepas itu didirikan di atas tanah seluas 0.6 hektar milik kerajaan Pusat.

Dr Yeow yang juga anggota Exco Kerajaan Negeri berkata, pusat itu kini dilengkapi dengan 15 mesin haemodialisis berharga RM1 juta setiap satu. Pusat itu hanya boleh menampung 100 mesin.

Katanya, pesakit yang memohon untuk mendapat rawatan akan hanya diterima masuk setelah permohonan mereka diluluskan oleh JKM negeri dan jawatankuasa perubatan pusat itu.

Menurutnya, tidak seperti klinik swasta yang mengenakan bayaran antara RM120 hingga RM150, pusat itu hanya mengenakan bayaran RM70 untuk setiap kali rawatan.

Beliau berkata selain mendapatkan penaja, mereka (pesakit) yang tidak berkemampuan akan diberi bantuan melalui tabung khas yang diwujudkan oleh pusat itu. -- BERNAMA

RP OBA